

Hayati peristiwa penting negara

Kuala Lumpur: "Mahasiswa perlu mendalami sejarah bagi memastikan mereka menyedari dan menghargai setiap peristiwa penting yang berlaku di tanah air, termasuk detik negara mencapai kemerdekaan," kata Timbalan Pengerusi Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan (MPPK), Adib Ashman Burhan Burhanudin.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai harapannya sebagai ketua pelajar dan mengaga mahasiswa harus menguasai sejarah negara.

Adib Ashman Burhan berkata, tanpa pengetahuan sejarah, masyarakat akan mudah lupa tamadun sebenar negara bangsa, malah lebih ditakuti adalah kemajuan Malaysia pada masa depan tidak mengikut acuan sendiri yang berprinsipkan lima teras Rukun Negara.

Katanya, bagi memastikan masyarakat memiliki perasaan minat terhadap sejarah, usaha pemupukan dan kesedaran mesti dilaksanakan dalam kalangan generasi muda yang bakal memimpin negara.

info

Adib Ashman Burhan Burhanudin

- Umur: 22
- Tarikh Lahir: 26 Jun 1996
- Asal: Kota Bharu, Kelantan
- Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Jawatan:
 - Timbalan Pengerusi Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan (MPPK)
 - Presiden Majlis Perwakilan Pelajar MPP UKM

"Usaha memupuk dan memberi kesedaran kepada generasi muda supaya meminati sejarah harus diterapkan bukan sahaja dari peringkat murid sekolah rendah dan aktiviti berkala, tetapi juga sehingga ke peringkat atasan, termasuk mahasiswa," katanya.



Adib Ashman pupuk generasi muda minat sejarah.